

**AKTIVITI : SESI AUDIT PENSIJILAN SEMULA MS ISO 9001:2015
INSTUN OLEH SIRIM QAS *INTERNATIONAL* SDN. BHD.
TAHUN 2021**

TARIKH : 5-6 APRIL 2021

**PENGLIBATAN : PEGAWAI YANG BERTANGGUNGJAWAB DARIPADA
BAHAGIAN MASING-MASING**

TEMPAT : PUSAT KECEMERLANGAN UKUR KADASTER, INSTUN

INSTUN telah menerima lawatan Audit Pensijilan Semula MS ISO 9001:2015 Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) oleh pihak SIRIM QAS *International* Sdn. Bhd. yang diwakili oleh Juruaudit, Encik Muhammad Fadhlullah bin Rahmat dan Puan Elly Nadia binti Che Azfar bermula pada 5 hingga 6 April 2021. Audit merangkumi standard dan proses-proses kerja seperti termaktub di dalam satu dokumen Manual Kualiti, 10 dokumen Prosedur Kualiti Utama (PK) dan 14 dokumen Prosedur Kualiti Sokongan (PS). Skop pensijilan INSTUN yang dinilai adalah Pembentukan Kurikulum Kursus & Pengurusan Latihan dan Proses-Proses Sokongan Berkaitan.

Untuk makluman, INSTUN telah berjaya memperolehi Pensijilan Semula dan Naiktaraf bagi MS ISO 9001:2015 pada sesi audit pensijilan semula kali ini. Pihak INSTUN juga telah mengadakan Audit Dalaman INSTUN pada 10-11 Mac 2021 serta Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan Bil.1/2021 (MKSP) pada 31 Mac 2021 yang lalu bagi memenuhi kriteria pematuhan pensijilan dan juga sebagai persediaan menghadapi Audit Pemantauan daripada pihak SIRIM.

Hasil audit mendapati penemuan sebanyak tiga (3) Peluang Penambahbaikan atau *Opportunity for Improvement* (OFI). Secara umumnya, penambahbaikan dalam pelaksanaan SPK yang berterusan adalah bukti yang baik bagi mengukur tahap komitmen pihak pengurusan dan kakitangan INSTUN dalam memenuhi aspirasi dan jangkaan pihak berkepentingan. Tahniah kepada semua warga INSTUN yang telah memberikan kerjasama dan komitmen yang tinggi dalam pelaksanaan Audit Pensijilan Semula MS ISO 9001:2015 bagi Tahun 2021.

LAPORAN RINGKAS SESI AUDIT PENSIJILAN SEMULA
MS ISO 9001:2015 INSTUN TAHUN 2021

INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA
KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

SESI AUDIT PENSIJILAN SEMULA
SISTEM PENGURUSAN LATIHAN (SPK)
MS ISO 9001:2015
INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA

OLEH
SIRIM QAS INTERNATIONAL SDN. BHD.

5 HINGGA 6 APRIL 2021
(ISNIN - SELASA)
PUSAT KECEMERLANGAN UKUR KADASTER (PKUK)

Audit Checklist
 Audit Satisfactory
 Nonconformance found
 Observations made

Audit

CERT NO: QMS 01905
MS ISO 9001 : 2015

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001 : 2015
CERT NO: FAR 001



LAPORAN RINGKAS SESI AUDIT PENSIJILAN SEMULA
MS ISO 9001:2015 INSTUN TAHUN 2021



LAPORAN RINGKAS SESI AUDIT PENSIJILAN SEMULA
MS ISO 9001:2015 INSTUN TAHUN 2021



LAPORAN RINGKAS SESI AUDIT PENSIJILAN SEMULA
MS ISO 9001:2015 INSTUN TAHUN 2021

